



SIARAN AKHBAR
JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
HARI SABTU, 16 SAFAR 1445 / 2 SEPTEMBER 2023

OPERASI BERSIH 12/2023 DAN OPERASI 13/2023
BAHAGIAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG (JBBSB)

1. **BANDAR SERI BEGAWAN 2 SEPTEMBER** - Hasil tindakan Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan dari tempoh 21 hb Ogos 2023 sehingga 26 Ogos 2023 telah mencatatkan seramai sembilan (9) Individu dan tiga (3) buah syarikat dikenakan kompaun keseluruhan berjumlah \$2,800.00 kerana didapati melakukan kesalahan di bawah Bab 12(1) Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian Pindaan 2021 kerana membuang sampah di tempat awam dan laluan awam.

Nama-nama individu dan syarikat-syarikat yang telah dikeluarkan kompaun sepanjang Operasi Bersih adalah seperti berikut:

Bil	Syarikat	Warga Negara	Kesalahan dan Denda
1.	Westin Automotive Sales Services Sdn Bhd	-	Bab 12 1(d)
2.	Seng Hoe Huat Auto Accessories Services Company	-	Bab 12 1(d)
3.	De'Green Sylet Restaurant Catering	-	Bab 12 1(d)
	Individu	Warga Negara	Kesalahan dan Denda
4.	Md Didi Syairwan bin Zunayah	Warga Tempatan	Bab 12 (1) (a)
5.	Haziqah Syahirah @ Hartanty Ratna Syaheerah binti Hasnan	Warga Tempatan	Bab 12 (1) (a)
6.	Pg Norasmadi bin Pg Haji Patra	Warga Tempatan	Bab 12 (1) (a)
7.	Abu Hamza	Warga Asing	Bab 12 (1) (e)
8.	Md Kalimullah	Warga Asing	Bab 12 (1) (e)
9.	Rakibul Islam	Warga Asing	Bab 12 (1) (a)
10	Mohammad Sharif	Warga Asing	Bab 12 (1) (a)
11	Aji Widodo	Warga Asing	Bab 12 (1) (a)
12	AnnDhan Ambalan	Warga Asing	Bab 12 (1) (a)

2. Menurut pindaan di bawah Perintah Kesalahan-Kesalahan Rampaian Pindaan 2021, kadar kompaun bagi mana-mana individu atau badan korporat yang dikeluarkan kompaun bagi kesalahan di bawah Bab 12 atau mana-mana kesalahan:
 - i. Bagi individu boleh dikenakan denda kompaun tidak melebihi \$ 1,000.00
 - ii. Bagi badan-badan korporat boleh dikenakan denda kompaun tidak melebihi \$ 2,000.00.

Bagi kesalahan-kesalahan individu dan badan-badan korporat yang gagal menjelaskan kompaun dan diambil tindakan melalui mahkamah adalah seperti berikut:

- i. Mana-mana individu yang melakukan kesalahan di bawah bab ini jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang dari \$ 1,000.00 dan tidak melebihi \$ 3,000.00 bagi kesalahan pertama dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan denda tidak kurang \$ 3,000.00 dan tidak melebihi \$ 9,000.00, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua-duanya sekali.
 - ii. Manakala badan-badan korporat yang melakukan kesalahan pertama di bawah bab ini boleh dikenakan denda tidak kurang dari \$ 2,000.00 dan tidak melebihi \$10,000.00 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang dari \$10,000.00 dan tidak melebihi \$ 30,000.00, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.
3. Dalam kes-kes berkenaan, individu-individu dan syarikat-syarikat berkenaan adalah dikehendaki menjelaskan kompaun masing-masing ke Bahagian Kewangan, Tingkat 3, Bangunan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Perdana Menteri dalam tempoh masa 7 hari.
4. Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan mengingatkan mana-mana individu dan pemilik/penyewa bangunan untuk sama-sama menjaga aspek keindahan, kebersihan, keselamatan dan kesejahteraan Bandar Seri Begawan.
5. Pada masa yang sama, Jabatan ini mengalu-alukan orang ramai untuk mengongsikan sebarang aduan dan perkongsian maklumat ke:

Nombor talian E-Darussalam: **123**

Emel: Info@123.gov.bn

Website: www.123.gov.bn

Whatsapp: **8333123**

Hotline Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang: **7291122**





- Tamat-

*Disediakan oleh:
Unit Perhubungan Awam,
Bahagian Pengurusan Strategik, Perhubungan Awam dan Antarabangsa
Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan
Tel: 2232424 Ext. 187 / 365
Faks: 2229124*